USIM
'ULŪM ISLĀMIYYAH JOURNAL
ISSN 1675 - 5936
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
VOL.10 (JUNE) 2013 : pp 19-29

# Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia

Mohammad Najib Jaffar[1], Kirembwe Rashid Abdul Hameed,
Hishomuddin Ahmad
Universiti Sains Islam Malaysia

**Abstrak**

*Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tujuan pengunaan Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama di kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia. Kajian ini telah dijalankan terhadap 150 orang pelajar tahun dua dan tiga program Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi. Hasil kajian menunjukkan betapa pentingnya Bahasa Arab Tujuan Agama dalam akademik dan kerjaya. Diharapkan agar dapatan kajian ini dapat memberi implikasi praktikal terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama di USIM khasnya dan IPT Malaysia amnya.*

*Kata kunci: bahasa Arab dan komunikasi, bahasa Arab untuk tujuan agama, pengajaran dan pembelajaran*

***Abstract***

*The purpose of this study was to find out the use of Arabic for Religious Purposes among students in the Arabic Language and Communication program at the Islamic Science University of Malaysia (USIM). This study was conducted among 150 second and third year students in the Arabic Language and Communication program. The results show the significance of Arabic for academic and occupational purposes. The results of this study may have practical implications on the teaching and learning of Arabic for Religious Purposes at USIM, in specific, and Malaysian Institutions of Higher Learning, in general.*

*Keywords: Arabic language and communication, Arabic for religious purposes, teaching and learning*

[1] Corresponding author : Mohammad Najib Jaffar, Universiti Sains Islam Malaysia, e-mail: najib@usim.edu.my.

## Pendahuluan

Bahasa Arab dan agama Islam mempunyai perkaitan yang erat memandangkan Al-Quran diturunkan dalam bahasa ini. Selain itu, bahasa Arab merupakan bahasa ibadah yang difardukan ke atas setiap orang Islam sebagai contoh solat; bahasa perantaraan yang digunakan dalam ibadah tersebut ialah bahasa Arab. Sekiranya bacaan dalam solat menggunakan bahasa lain maka solat tersebut tidak sah.

Menurut Mamdouh N. Mohamed (2005), umat Islam seramai 1.3 bilion di seluruh dunia merupakan sasaran yang berpotensi untuk mempelajari bahasa Arab untuk tujuan agama seperti solat, haji, umrah dan sebagainya. Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama merupakan cabang kepada displin Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus[2]. Menurut Abdul Rahman Chik (1988:3), bahasa Arab adalah pembolehubah kepada 'Bahasa Untuk Tujuan Khusus'[3] di mana 'bahasa' pada pangkalnya boleh digantikan dengan apa jua bahasa di dunia termasuklah bahasa Arab.

## Pengenalan Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus

### Latar belakang

Menurut Kennedy dan Bolitho (1984:7) ilmu Bahasa Untuk Tujuan Khusus telah dikenalpasti bermula pada pertengahan kurun ke-20 iaitu sekitar 60-an di mana bahasa Inggeris menjadi pelopor kepada bahasa-bahasa utama yang lain di dunia. Menyedari kepentingan bahasa Arab kepada masyarakat global, beberapa cendekiawan dan sarjana Islam telah mengorak langkah untuk mengaplikasikan displin tersebut kepada bahasa Arab maka lahirlah kajian-kajian yang berkaitan dengan bahasa Arab untuk tujuan khusus.

### Takrif

Menurut Hutchinson dan Waters (1987:19), Bahasa Untuk Tujuan Khusus merupakan bidang di mana silibus dan kaedah pengajaran bahasa berpaksikan kepada keperluan dan kehendak pelajar. Pendapat ini turut disokong oleh Hussain Ubaidat (2004:314) yang berpandangan bahawa silibus pembelajaran yang hendak direkabentuk mestilah berdasarkan keperluan pelajar sasaran. Rusydi Ahmad Tai'emah (1989:276) pula mendefinisikan Bahasa Untuk Tujuan Khusus sebagai pengajaran yang khusus untuk golongan tertentu yang mempunyai kandungan dan kemahiran bahasa yang spesifik bagi mencapai hasil pembelajaran yang komprehensif.

[2] Dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai 'Arabic for Specific Purposes' (ASP).

[3] Dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai 'Languages for Specific Purposes' (LSP).

**Tujuan**

Berdasarkan visi dan misi displin ini, sebarang silibus yang bakal digubal oleh penggubal buku teks mestilah berpaksikan kepada tujuan utama seseorang pelajar itu mempelajari bahasa Arab. (Soleh Mahjub Tanqari, 2007: 6). Sekiranya tujuannya untuk mendalami agama Islam, maka kandungan modul tersebut hendaklah fokus kepada tajuk-tajuk yang berkaitan dengan agama Islam seperti solat, puasa, zakat, haji, umrah dan sebagainya.

**Sasaran**

Pada kebiasaannya, sasaran pengajaran subjek ini ditujukan kepada para pelajar yang mempunyai asas dalam bahasa Arab sama ada di kalangan pelajar mahupun orang dewasa di peringkat pertengahan dan lanjutan. (Abdul Rahman Chik, 2007: 2)

**Tenaga Pengajar**

Tenaga pengajar yang mengajar kursus ini biasanya terdiri daripada golongan pakar bahasa Arab kerana mereka berpengalaman dalam menentukan silibus dan kaedah pengajaran yang sesuai dengan para pelajar.

**Jenis Pengajian**

Kebiasaannya, pengajaran subjek ini dibuat dalam bentuk kursus intensif yang pendek di mana ianya lebih menekankan kepada tajuk-tajuk tertentu dan pengajian dijalankan secara intensif dan komprehensif. (Soleh Mahjub Tanqari, 2007: 6)

**Tempoh Masa**

Menurut Robinson (1980), tempoh masa bagi pengajaran bahasa khusus terhad atau dalam jangka masa yang pendek. Perkara ini ada dibincangkan Abdul Halim Salleh (2005) dalam kajian Masternya di mana beliau berpendapat sekiranya pelajar mempelajari bahasa Arab untuk tujuan haji dan umrah, maka tempoh pengajian dijalankan dalam tempoh tertentu di mana penekanan lebih diberikan kepada doa-doa yang berkaitan dengan ibadah haji dan umrah dan kemahiran berkomunikasi dengan orang Arab.

**Kemahiran Bahasa Yang Diajar**

Kemahiran bahasa yang diajar bergantung kepada keperluan dan kehendak pelajar. (Soleh Mahjub Tanqari, 2007: 6). Sekiranya pelajar tersebut mempelajari bahasa Arab untuk memahami Al-Qur'an maka kemahiran membaca perlu dititikberatkan bagi merealisasikan tujuan tersebut.

**Bahan Pengajaran**

Bahan pengajaran bagi subjek ini bergantung kepada tujuan khusus yang ingin dicapai oleh pelajar. Sekiranya pelajar tersebut berhasrat untuk

memahami dan mendalami agama Islam maka bahan pengajaran mestilah bersumberkan Al-Qur'an, hadis, doa dan sebagainya. Menurut Mamdouh N. Mohamed (2005), bahan pengajaran tersebut boleh diambil daripada teks asal mahupun teks buatan.

**Perbezaan Individu**

Melalui pengajaran subjek ini, perbezaan individu atau pelajar dari segi intelek, sahsiah, sosio-ekonomi, kemahiran dan seumpamanya boleh dikenalpasti secara mudah memandangkan tujuan pembelajaran adalah khusus di samping bilangan pelajar adalah terhad. Menurut Kennedy dan Bolitho (1984:14), tenaga pengajar memainkan peranan dalam menentukan kandungan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap pencapaian para pelajar agar perbezaan mereka dapat diraikan.

**Keberkesanan Pengajian**

Pengajaran subjek ini mempunyai keberkesanan yang tinggi memandangkan tujuan pembelajarannya adalah khusus di mana tenaga pengajar dapat memfokuskan kepada bahan dan kaedah pengajaran yang seiring dengan objektif pembelajaran. Selain itu, faktor motivasi dalaman yang tinggi untuk menguasai sesuatu bahasa untuk tujuan tertentu di kalangan pelajar turut membantu menjayakan sesi pengajaran dan pembelajaran subjek ini. (Muhammad Abu Al-Kalam Azad, 1998 : 13-16).

## Permasalahan

Terdapat kebimbangan terhadap beberapa masalah berkaitan dengan keperluan menguasai Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BAUTA). Hasil kajian Anzaruddin Ahmad (2004) mendapati bahawa lebih 70% daripada 80 orang Golongan Profesional Melayu Muslim (GPMM) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempunyai sikap yang kurang memberangsangkan terhadap kepentingan dan keperluan menguasai Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BAUTA), dan kurang bermotivasi untuk mempelajarinya. Apa yang lebih mendukacitakan, kesemua responden tidak mempelajari Islam terus daripada sumber-sumbernya yang utama iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah sebaliknya melalui karya-karya yang diterjemah atau yang ditulis dalam bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris. Najib Jaffar (2007) dalam hasil kajiannya mendapati agama Islam bukan sahaja boleh dipelajari melalui sumbernya yang utama iaitu Al-Quran dan As-Sunnah bahkan melalui sumber sekunder seperti doa dan teks buatan.

Selain itu, kajian Mohd Puzhi Usop dan Mohammad Seman (2010) mendapati bahawa kebanyakan masyarakat Islam yang bukan penutur jati bahasa Arab tidak memahami makna zikir-zikir dan doa-doa yang dibaca oleh mereka kerana mereka sekadar menghafaznya tanpa berusaha untuk menghayati maksudnya.

ulum islamiyyah 10.indd 22 7/31/13 4:07 PM

Selain kajian terhadap golongan profesional dan masyarakat muslim, kajian terhadap pelajar turut dijalankan berdasarkan keperluan mereka terhadap Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama. Analisis kajian Abdul Rahman Chik (2007:11) mendapati 60% pelajar jurusan Ilmu Wahyu yang terdiri daripada jabatan Fiqh dan Usul, Quran dan Sunnah serta Usuluddin dan Perbandingan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia tidak bersetuju dengan penawaran subjek Bahasa Arab Untuk Pengajian Islam sebanyak 3 subjek (AFIS I-III) sebaliknya memadai dengan 1 subjek yang komprehensif.

Justeru, kajian dan analisis keperluan pelajar yang berkaitan dengan Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama khususnya di peringkat pengajian tinggi adalah perlu dan dibanyakkan agar hasil pembelajaran yang digariskan tercapai.

## Tujuan Dan Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan dan kehendak pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia terhadap bahasa Arab Untuk Tujuan Agama. Kajian ini dijalankan terhadap 150 orang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia. Pemilihan responden pula terdiri daripada pelajar tahun dua dan tiga.

## Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Dalam bab ini, penyelidik akan membentangkan dapatan soal selidik yang diedarkan kepada 150 orang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi di USIM yang terdiri daripada pelajar tahun 2 dan 3 untuk mengenalpasti apakah keperluan dan kehendak mereka dalam mempelajari Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama. Dapatan soal selidik tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1: Memahami ajaran-ajaran Al-Quran dan As-Sunnah dengan lebih mendalam

| | Frekuensi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju | - | - |
| Tidak Setuju | - | - |
| Setuju | 47 | 31.3 |
| Sangat Setuju | 103 | 68.7 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan tujuan utama pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi mempelajari Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama adalah untuk memahami ajaran-ajaran Al-Quran dan As-Sunnah dengan lebih mendalam. Jumlah responden yang sangat bersetuju adalah sebanyak 68.7%

dan sebanyak 31.3% jumlah responden yang bersetuju. Dapat disimpulkan bahawa bahasa Arab merupakan wasilah untuk memahami Al-Quran dan As-Sunnah yang merupakan rujukan utama bagi orang Islam.

Jadual 2: Memahami agama Islam dengan lebih tepat kerana mengambil terus daripada sumber utamanya Al-Quran dan As-Sunnah

| | **Frekuensi** | **Peratus** |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju<br>Tidak Setuju | -<br>- | -<br>- |
| Setuju<br>Sangat Setuju | 42<br>108 | 28<br>72 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan 28% responden bersetuju dengan keperluan mempelajari BAUTA adalah untuk memahami agama Islam dengan lebih tepat kerana mengambil terus daripada sumber utamanya Al-Quran dan As-Sunnah. Manakala sebanyak 72% responden sangat bersetuju dengan tujuan tersebut menyedari peri pentingnya menguasai BAUTA untuk memahami isi kandungan Al-Quran dan As-Sunnah secara langsung tanpa merujuk kepada buku-buku terjemahan.

Jadual 3: Menjadi lebih komited dengan Islam dan dapat mengamalkan ajaran-ajarannya dengan lebih baik

| | **Frekuensi** | **Peratus** |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju<br>Tidak Setuju | -<br>2 | -<br>1.3 |
| Setuju<br>Sangat Setuju | 68<br>80 | 45.3<br>53.4 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan mempelajari BAUTA akan menjadi lebih komited dengan Islam seterusnya mengamalkan ajaran-ajarannya dengan lebih baik di mana sebanyak 53.4% responden sangat bersetuju dan 45.3% responden bersetuju dengan tujuan tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat 1.3% responden tidak bersetuju dengan alasan tersebut berkemungkinan mereka merasakan dengan penguasaan bahasa Arab sahaja tidak semestinya menjadikan seseorang pelajar itu lebih komited dalam mengamalkan ajaran Islam.

Jadual 4: Memahami sejarah, budaya dan cara hidup masyarakat Arab

| | **Frekuensi** | **Peratus** |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju | 1 | 0.7 |
| Tidak Setuju | 13 | 8.7 |
| Setuju | 89 | 59.3 |
| Sangat Setuju | 47 | 31.3 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan 59.3% responden bersetuju dan 31.3% responden lagi sangat bersetuju dengan salah satu tujuan mempelajari BAUTA adalah untuk memahami sejarah, budaya dan cara hidup masyarakat Arab. Walaubagaimanapun, terdapat 8.7% responden tidak bersetuju manakala 0.7% responden lagi sangat tidak bersetuju dengan tujuan tersebut. Dapat disimpulkan bahawa dengan mempelajari BAUTA pelajar dapat mengetahui sejarah umat-umat terdahulu dan cara hidup masyarakat Arab Jahiliah untuk dijadikan pedoman hidup.

Jadual 5: Menjadi pendakwah yang lebih berkesan

| | **Frekuensi** | **Peratus** |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju | - | - |
| Tidak Setuju | 7 | 4.7 |
| Setuju | 95 | 63.3 |
| Sangat Setuju | 48 | 32 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan responden yang bersetuju dengan keperluan mempelajari BAUTA adalah untuk menjadi pendakwah yang lebih berkesan adalah sebanyak 63.3% manakala sebanyak 32% responden sangat bersetuju dengan keperluan tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat 4.7% responden tidak bersetuju dengan alasan tersebut berkemungkinan disebabkan tidak mempunyai kecenderungan dan minat dalam kerjaya tersebut.

Jadual 6: Lambang penguasaan yang tinggi terhadap ilmu-ilmu Islam

| | **Frekuensi** | **Peratus** |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju | - | - |
| Tidak Setuju | 3 | 2 |
| Setuju | 55 | 36.7 |
| Sangat Setuju | 92 | 61.3 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 61.3% responden sangat bersetuju dengan tujuan mempelajari BAUTA sebagai satu lambang penguasaan yang tinggi terhadap ilmu-ilmu Islam manakala sebanyak 36.7% responden bersetuju dengan tujuan tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat 2% responden tidak bersetuju dengan alasan tersebut berkemungkinan merasakan bahawa dengan mempelajari BAUTA sahaja bukan satu jaminan seseorang pelajar itu dapat menguasai pelbagai ilmu Islam dalam masa yang singkat.

Jadual 7: Memahami Al-Quran, As-Sunnah dan kitab-kitab thurath

| | **Frekuensi** | **Peratus** |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju | - | - |
| Tidak Setuju | 1 | 0.7 |
| Setuju | 47 | 31.3 |
| Sangat Setuju | 102 | 68 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 68% responden sangat bersetuju dengan keperluan mempelajari BAUTA adalah untuk memahami Al-Quran, As-Sunnah dan kitab-kitab thurath. Jumlah responden yang bersetuju dengan tujuan tersebut adalah sebanyak 31.3% manakala jumlah responden yang tidak bersetuju dengan alasan tersebut adalah sebanyak 0.7%. Dapat disimpulkan bahawa dengan mempelajari BAUTA bukan sahaja dapat memahami Al-Quran dan As-Sunnah bahkan dapat juga memahami kitab-kitab thurath dalam pelbagai bidang seperti akidah, tasawwuf, fiqh, usul fiqh dan sebagainya.

Jadual 8: Kunci kepada khazanah ilmu-ilmu Islam

| | **Frekuensi** | **Peratus** |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju | - | - |
| Tidak Setuju | - | - |
| Setuju | 56 | 37.3 |
| Sangat Setuju | 94 | 62.7 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan majoriti responden sangat bersetuju dengan keperluan mempelajari BAUTA kerana ianya merupakan kunci kepada khazanah ilmu-ilmu Islam lain iaitu sebanyak 62.7%. Sebanyak 37.3% responden lagi bersetuju dengan tujuan tersebut.

Jadual 9: Mendapatkan peluang pekerjaan di dalam negara atau di negara Arab

| | **Frekuensi** | **Peratus** |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju | - | - |
| Tidak Setuju | 8 | 5.3 |
| Setuju | 70 | 46.7 |
| Sangat Setuju | 72 | 48 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 48% responden sangat bersetuju dan sebanyak 46.7% responden bersetuju dengan keperluan mempelajari BAUTA adalah untuk mendapatkan peluang pekerjaan di dalam negara atau di negara Arab. Walaubagaimanapun, terdapat 5.3% responden tidak bersetuju dengan kehendak tersebut. Dapat disimpulkan bahawa bahasa Arab kini mempunyai nilai komersial di mana turut memenuhi keperluan pasaran semasa negara dan peluang pekerjaannya tidak terhad kepada bidang pendidikan seperti guru dan pensyarah sahaja.

Jadual 10: Lambang kepada tahap pencapaian pendidikan yang tinggi

| | **Frekuensi** | **Peratus** |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju | - | - |
| Tidak Setuju | 8 | 5.3 |
| Setuju | 70 | 46.7 |
| Sangat Setuju | 72 | 48 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 48% responden sangat bersetuju dan sebanyak 46.7% responden bersetuju dengan keperluan mempelajari BAUTA sebagai satu lambang kepada tahap pencapaian pendidikan yang tinggi. Walaubagaimanapun, terdapat 5.3% responden tidak bersetuju dengan tujuan tersebut. Dapat disimpulkan bahawa dengan mempelajari BAUTA, ia boleh dianggap satu pencapaian yang tinggi dalam pendidikan kerana kebiasaannya BAUTA ini diajar di peringkat yang lebih tinggi seperti di peringkat ijazah sarjana muda kerana sasarannya terdiri daripada pelajar yang telah mempunyai latar belakang bahasa Arab sejak di peringkat sekolah menengah lagi.

Jadual 11: Memperluaskan rangkaian kenalan dengan rakan-rakan berbangsa Arab

| | Frekuensi | Peratus |
|---|---|---|
| Sangat Tidak Setuju<br>Tidak Setuju | -<br>5 | -<br>3.3 |
| Setuju<br>Sangat Setuju | 85<br>60 | 56.7<br>40 |
| Jumlah | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 56.7% responden bersetuju dengan keperluan mempelajari BAUTA adalah untuk memperluaskan rangkaian kenalan dengan rakan-rakan berbangsa Arab. Sebanyak 40% responden sangat bersetuju dengan tujuan tersebut manakala sebanyak 3.3% responden tidak bersetuju dengannya.

## Kesimpulan

Konklusinya, Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BAUTA) merupakan cabang kepada Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus (BAUTK) yang dipelopori oleh masyarakat barat yang peka kepada tuntutan semasa. Di antara dapatan kajian yang diperolehi hasil pengedaran borang kaji selidik di kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi di USIM ialah majoriti pelajar bersetuju dengan keperluan mempelajari BAUTA terutamanya untuk memahami agama Islam dengan lebih tepat dengan cara merujuk terus sumber utamanya iaitu Al-Quran dan As-Sunnah tanpa bergantung kepada sumber-sumber terjemahan. Selain itu, dengan mempelajari BAUTA, pelajar dapat memahami Al-Quran, As-Sunnah dan khazanah ilmu-ilmu Islam untuk dijadikan sebagai panduan hidup. Oleh yang demikian, sebarang silibus BAUTA yang bakal digubal dicadangkan agar menitikberatkan keperluan-keperluan ini agar sesi pengajaran dan pembelajaran mencapai objektifnya.

## Rujukan

Abdul Halim Salleh. (2005). *Tasmim Wahdat Dirasiyyat Li Al-Hujjaj Wa Al-Mu’tamirin Al-Maliziyin Fi T‘alim Al-Lughat Al-‘Arabiyyat Li Aghrad Khassat*. Tesis MA. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abdul Rahman Chik. (1988). *Teaching Arabic For Specific Purposes (ASP) in Malaysia with Reference to Teaching Reading Skills at the International Islamic University*. Tesis MA. University of Salford.

________________. (2007). *T‘alim Al-Lughat Al-‘Arabiyyat Li Aghrad Khassat Fi Maliziya: Min At-Takhtith Ila At-Tanfiz*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: National Seminar on Arabic Language Teaching.

Anzaruddin Ahmad. (2004). *Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Kajian Terhadap Sikap Dan Motivasi Golongan Profesional*. Tesis MA. Universiti Malaya.

Hussain Ubaidat. (2004). *Taqwim Baramij Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Aghrad Khassat.* Damsyiq: Al-Muktamar Al-Duwaliyy Al-Awwal Li Ta'lim Al-'Arabiyyat Li Ghair Al-Natiqin Biha.

Hutchinson, T. and Waters, A. (1987). *English for Specific Purposes: A learning-centered approach*, Cambridge: Cambridge University Press.

Kennedy, Chris and Bolitho, Rod. (1984). *English for Specific Purposes,* London: Macmillan Publishers Limited.

Mamdouh N. Mohamed. (2005). *Teaching Arabic For Islamic Purposes.* Chicago : ISNA Conference.

Mohammad Najib Jaffar. (2007). *Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama.* Kuala Lumpur : Seminar Serantau Islam Hadhari.

Mohd Puzhi Usop dan Mohammad Seman. (2010). *Bahasa Arab Untuk Ibadah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Muhammad Abu Al-Kalam Azad. (1998). *T'alim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Aghrad Khassat: Bina Wahdat Dirasiyyat Li Tullab Al-Takhassus Fi Al-'Aqidat*. Tesis MA. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Robinson, Pauline. (1980). *ESP (English for Specific Purposes)*. England : Pergamon Press Ltd.

Tai'emah, Rusydi Ahmad. (1989). *T'alim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Ghair Al-Natiqin Biha: Manahijuhu wa Asalibuhu.* Ribat: UNESCO.

Tanqari, Soleh Mahjub. (2007). *Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Aghrad Khassat Fi Maliziya: Min At-Takhtith Ila At-Tanfiz*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: National Seminar on Arabic Language Teaching.

Mohammad Najib Jaffar
Kirembwe Rashid Abdul Hameed
Hishomuddin Ahmad
Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia
najib @usim.edu.my
kirembwe@usim.edu.my
hishomuddin@usim.edu.my

ulum islamiyyah 10.indd 30 7/31/13 4:07 PM